

## FAQ

### PAKEJ RAHMAH PRABAYAR SISWA

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
1.	<b>Apakah itu Pakej RAHMAH Prabayar Siswa?</b>	<p>Pakej RAHMAH Prabayar Siswa adalah tawaran pakej prabayar (prepaid) untuk golongan pelajar lepasan menengah yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang terpilih. Pakej ini bertujuan untuk menangani peningkatan kos sara hidup menerusi penyediaan perkhidmatan komunikasi asas yang penting dengan kos ketersambungan (<i>connectivity</i>) yang lebih rendah dan tempoh sah laku (<i>validity</i>) yang lebih panjang.</p> <p>Pakej ini tertakluk kepada Terma dan Syarat oleh setiap telco yang mengambil bahagian dalam tawaran ini iaitu CelcomDigi, Maxis, TM (Unifi Mobile), U Mobile dan YTL Communications (Yes).</p>
2.	<b>Apakah tawaran bagi Pakej RAHMAH Prabayar Siswa?</b>	Pengguna boleh menikmati Pakej RAHMAH Prabayar Siswa dengan tawaran harga tidak melebihi RM30, data permulaan Internet minimum 30GB dan tempoh sah laku selama 180 hari.
3.	<b>Siapakah yang layak untuk melangani Pakej RAHMAH Prabayar Siswa?</b>	Pakej RAHMAH Prabayar Siswa adalah disasarkan kepada golongan pelajar lepasan menengah yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seperti senarai di <b>Jadual 1</b> berikut :

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN	
		<b>Jadual 1 – Senarai IPTA dan ILKA yang terlibat dengan penawaran Pakej RAHMAH Prabayar Siswa</b>	
		<b>Bil</b>	<b>Nama Kementerian</b>
			<b>Senarai IPTA / ILKA</b>
		1	Kementerian Belia & Sukan (KBS) a. Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Seluruh Negara; b. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seluruh Negara; dan c. Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG).
		2	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) a. Malaysia-Japan Industrial Institute (MJII); b. Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Seluruh Negara; c. German Malaysian Institute (GMI); d. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Seluruh Negara; e. Akademi Kemahiran Kemas; f. Kolej Keda; g. PERDA-TECH; h. Institut Kemahiran MARA (IKM) Seluruh Negara; i. Universiti College Agrosience Malaysia (UCAM); j. Kolej RISDA; k. Kolej KETENGAH; l. Kolej FELCRA m. Pusat Latihan JAKOA; dan n. GiatMARA Seluruh Negara.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN		
		Bil	Nama Kementerian	Senarai IPTA / ILKA
		3	Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)	Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)
		4	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	a. Kolej Vokasional Seluruh Negara; b. Kolej Pra-Universiti (Tingkatan Enam) Seluruh Negara; dan c. Kolej Matrikulasi Seluruh Negara.
		5	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	a. Pusat Latihan Perindustrian Pemulihan; dan b. Bengkel Daya.
		6	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)	a. Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Seluruh Negara; b. Advanced Technology Training Centre (ADTEC); c. Japan Malaysia Technical Institute (JMTI); dan d. Centre for Instructor and Advanced Skills Training (CIASST) Seluruh Negara.
		7	Kementerian Kerja Raya (KKR)	a. Akademi Binaan Malaysia; dan b. CIDB Technologies.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN		
		<b>Bil</b>	<b>Nama Kementerian</b>	<b>Senarai IPTA / ILKA</b>
		8	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	a. Akademi Perikanan Malaysia (APM) Terengganu; b. Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah (KPSN) Perak; c. Institut Veterinar Malaysia (IVM) Johor; dan d. Institut/ Kolej Pertanian Seluruh Negara.
		9	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	a. IPTA Seluruh Negara; b. Politeknik Seluruh Negara; dan c. Kolej Komuniti Seluruh Negara.
		10	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	a. Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA); dan b. Institut Kraf Negara.
4.	<b>Di manakah Pakej RAHMAH Prabayar Siswa boleh dibeli?</b>	Pakej RAHMAH Prabayar Siswa boleh dibeli dengan hadir secara bersemuka di pusat/kios penyedia perkhidmatan (telco) yang terlibat ataupun secara dalam talian melalui laman sesawang telco yang terlibat.		

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
5.	<b>Apakah dokumen yang diperlukan bagi untuk mendaftar untuk Pakej RAHMAH Prabayar Siswa ini?</b>	<p>Dokumen-dokumen berikut adalah diperlukan semasa pendaftaran Pakej:</p> <p>(a) Kad Pengenalan; dan  (b) Pengesahan identiti pelajar akan dilaksanakan menerusi salah satu dari tiga (3) kaedah berikut :</p> <p>i. Kad Pelajar yang sah; atau  ii. E-mel Rasmi Pelajar IPTA/ILKA (contoh @uitm.gov.my / @uum.gov.my; atau  iii. Surat Pengesahan Identiti Pelajar daripada pihak pengurusan IPTA / ILKA berkenaan sekiranya IPTA/ILKA tersebut tidak mempunyai Kad Pelajar / E-mel Rasmi Pelajar.</p>
6.	<b>Bilakah Pakej RAHMAH Prabayar Siswa akan mula ditawarkan?</b>	Pakej ini akan ditawarkan bermula pada 16 Ogos 2024 sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.
7.	<b>Bagaimanakah jika data sedia ada (30GB) saya telah habis diguna pakai sebelum tamat tempoh 180 hari?</b>	Seperti mana kad prabayar yang lain, pengguna aktif boleh melanggan mana-mana pas Internet tambahan yang ditawarkan.
8.	<b>Berapakah had limit langganan Pakej RAHMAH Prabayar Siswa yang boleh saya langgani?</b>	Pengguna hanya boleh melanggan satu (1) kali sahaja pada satu-satu masa.
9.	<b>Bagaimanakah saya boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Pakej RAHMAH Prabayar Siswa ini?</b>	Anda boleh melayari laman web telco yang terlibat iaitu CelcomDigi, Maxis, TM (Unifi Mobile), U Mobile dan YTL Communications (Yes) atau hadir ke mana-mana cawangan pusat jualan telco yang berdekatan.

**Nota:**

FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Pakej RAHMAH Prabayar Siswa. Setiap telco akan mengeluarkan FAQ terperinci bagi penawaran Pakej RAHMAH Prabayar Siswa berdasarkan tawaran dan strategi jualan masing-masing.